

Rejim Zionis serang 2 kubu Hamas di Gaza

BERITA HARIAN 3/4/18 M/S 87.

Baitulmaqdis: Kereta kebal Israel bertindak menembak dua kedudukan Hamas di Semenanjung Gaza, semalam selepas aktivis melepaskan tembakan ke arah pagar pangkalannya, di sempadan kedua-dua negara.

Tentera Zionis mendakwa, dua penyerang bagaimanapun tidak menyeberangi pagar dan menyusup ke dalam Israel, namun mereka membalas dengan serangan kereta kebal ke atas pos pemantauan Hamas.

Tiga rakyat Palestin ditahan

Insiden itu berlaku sehari selepas tentera Israel menahan tiga rakyat Palestin yang menyusup menyeberangi sempadan Gaza bersenjatakan pisau dan bom tangan.

Mereka ditahan 20 kilometer melepasi pangkalan tentera, sementara polis mengedarkan gambar peralatan yang dirampas.

Ada peningkatan insiden di sepanjang sempadan ketika kemarahan penduduk Palestin meningkat susulan keputusan Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump mengiktiraf ibu kota Israel, Disember lalu.

Sabtu lalu, sejumlah penduduk Palestin menyusup ke sempadan dan cuba membakar jentera berat, sebagai balasan, jet pejuang Israel menyerang kedudukan Hamas, kumpulan Islam yang mengawal Gaza. **AFP**